



SEPTEMBER - DISEMBER

BIL : 3 / 2024

ISSN : 2232-1454



Sila Scan QR CODE
untuk muat turun
Buletin PPANS

BULETIN PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

MAJLIS MENYANJUNG BUDI, MENJUNJUNG BAKTI



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN

Sekalung Penghargaan & *Selamat Bersara*

kepada

YBHG. HJH. JAMILAH @ CHUMILA BINTI HJ. KATIS
PENGARAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

TERIMA KASIH ATAS KEPIMPINAN, JASA DAN KHIDMAT BAKTI
YANG TIDAK TERNILAI. DIDOAKAN AGAR SENTIASA SIHAT
SEJAHTERA DAN DI DALAM RAHMAT ALLAH SWT.

Jasamu Dikenang

15 APRIL 1992 - 14 OKTOBER 2024



Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan www.nslibrary.gov.my ppans@ns.gov.my Perpustakaan Negeri

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7635989 / 06-7621308 Fax : 06-7635944

SETINTA KATA

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.
Salam Malaysia MADANI,
Salam Negeri Sembilan,
Bersih . Muafakat . Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, kerana diberikan kesempatan menulis kata alu-aluan khas untuk Buletin PPANS Bil. 3/2024 ini. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan sidang redaksi di atas usaha dan komitmen yang tinggi kerana berjaya menerbitkan Buletin PPANS. Penerbitan buletin ini amat penting bagi memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah diadakan di PPANS. Ianya boleh dianggap sebagai "memory book" yang akan menjadi rujukan pada masa hadapan sekaligus mempromosikan kemudahan dan program PPANS kepada masyarakat.

Menjadi harapan PPANS, semoga keluaran buletin ini dapat mengubah persepsi masyarakat akan kepentingan perpustakaan awam sebagai pusat ilmu pengetahuan yang berguna kepada semua pihak. Perpustakaan pada hari ini bukan sahaja hanya membekalkan buku kepada pengguna, malah peranannya lebih daripada itu. Pelbagai bentuk perkhidmatan dan program yang meliputi setiap peringkat umur dianjurkan oleh perpustakaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya Negeri Sembilan.

Hamdan bin Haji Nordin
Timbalan Pengarah (Menanggung Tugas Pengarah)
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan



ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT	SIDANG EDITORIAL
SIDANG EDITORIAL PPANS	02	PENAUNG YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
LENSA PENGARAH	03	PENASIHAT HAMDAN BIN HAJI NORDIN Timbalan Pengarah (Menanggung Tugas Pengarah) Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN	04	KETUA PENGARANG MOHD RIZWAN BIN MUHAMMAD YUSOF Penolong Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
BUKU TERKINI PPANS	05	PENOLONG KETUA PENGARANG SITI NORSARIZA BINTI MAT RASHID Ketua Unit Korporat, PPANS
MAJLIS PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG	06	GRUP BULETIN PPANS Unit Korporat , PPANS Unit Gerakan Membaca N.S Unit Perolehan Unit Media Unit Teknologi & Komunikasi Bahagian Pelanggan
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2024	07	PENGEDARAN DAN PROMOSI YUSRIZAL BIN ANI Unit Korporat PPANS
MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2024	08	REKABENTUK & PERCETAKAN PERCETAKAN CAHAYA MURNI
EXPLORACE PERKHIDMATAN AWAM SEMPENA MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2024	09	JURUFOTO UNIT MEDIA PPANS
PROGRAM MEMADANIKAN PERPUSTAKAAN MELESTARIKAN PERPADUAN	10	DITERBITKAN OLEH UNIT KORPORAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
MAJLIS PELANCARAN BUKU AMINUDDIN HARUN MENONGKAH ARUS, MELAKSANA HARAPAN	11	
MAJLIS MENYANJUNG BUDI, MENJUNJUNG BAKTI	12-13	
BENGKEL PENGENALAN KUMPULAN KREATIF DAN INOVASI (KIK) PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN (PPANS)	14	
PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN MOH BERKAMPUNG KEK KUALA PILAH BERSAMA KEMENTERIAN EKONOMI	15	
WAGHIH MEMBACA	16-17	
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	18-20	



2 SEPTEMBER 2024

MESYUARAT AHLI LEMBAGA
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN
BIL. 1/2024 DI PERPUSTAKAAN NEGERI,
SEREMBAN 2



19 SEPTEMBER 2024

MAJLIS PENUTUP PERTANDINGAN
EXPLORACE PERKHIDMATAN AWAM
SEMPENA MINGGU INOVASI PERINGKAT
NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024 DI PORT
DICKSON



24 SEPTEMBER 2024

PROGRAM MEMADANIKAN
PERPUSTAKAAN MELESTARIKAN
PERPADUAN DI PERPUSTAKAAN AWAM
REMBAU



1 OKTOBER 2024

MAJLIS PELANCARAN BUKU AMINUDDIN
HARUN : MENONGKAH ARUS,
MELAKSANA HARAPAN DI HOTEL ROYAL
CHULAN, SEREMBAN



6 NOVEMBER 2024

MAJLIS PENYERAHAN BUKU AMINUDDIN
HARUN: MENONGKAH ARUS, MELAKSANA
HARAPAN KEPADA PEJABAT YAB MENTERI
BESAR NEGERI SEMBILAN DI BILIK
GERAKAN NEGERI, WISMA
NEGERI, SEREMBAN



22 NOVEMBER 2024

MERASMIKAN PENUTUP BENGKEL
PENGENALAN KUMPULAN KREATIF DAN
INOVASI (KIK) PERBADANAN
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN
DI KLANA RESORT, SEREMBAN



6 NOVEMBER 2024

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB DATO
ISMAIL BIN LASIM PENERUSI
JAWATANKUASA BERTINDAK PENDIDIKAN
DAN MODAL INSAN NEGERI SEMBILAN
MERANGKAP PENERUSI JAWATANKUASA
GERAKAN MEMBACA NEGERI SEMBILAN
DI WISMA NEGERI, SEREMBAN



9 DISEMBER 2024

MESYUARAT PENYELARASAN
PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI (PAN) BIL. 2/2024
di Sabah International Convention Centre
(SICC)



10 DISEMBER 2024

PERSIDANGAN MAJLIS BERSAMA JABATAN
(MBJ) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
TAHUN 2024 DI KLANA RESORT,
SEREMBAN

DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN DAN DESA

PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 📍 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: libraryjempol@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-458 5260



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 📍 71600 Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: pacjelebu@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-613 6175



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

- 📍 Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: pacportdickson@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-647 7677



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- 📍 Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: pac_rembau@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-685 3302



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

- 📍 Jalan Bukit, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: packualapilah@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-481 1461



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- 📍 Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- ✉ Emel: pactampin@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-441 1289



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- 📍 Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- ✉ Emel: pacgemas@gmail.com
- ☎ No.Telefon : 07-9482725

PERPUSTAKAAN DESA

Perpustakaan Desa Legong Ulu
Kg.Legong Ulu,71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.
Emel: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 06-438 1120

Perpustakaan Desa Titian Akar
Kg.Titian Akar,71150 Linggi,Negeri Sembilan.
Emel: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 06-696 6479

Perpustakaan Desa Kg.Rendah
Kg.Rendah Rembau,71300 Rembau Negeri Sembilan.
Emel: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 013-605 5781

Perpustakaan Desa Felda Palong 7
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan
Emel: pdfeldapalong7@gmail.com
No.Telefon: 06-4646697

Perpustakaan Desa Kg.Talang
Kg.Talang,71500 Tanjong Ipoh,Negeri Sembilan.
Emel: pdtalang1@gmail.com
No.Telefon: 011-20694430

Perpustakaan Desa Seri Menanti
Dewan Tuanku Ampuan Najihah Negeri Sembilan.
Emel: syazwanitajudin5512@gmail.com
No.Telefon: 06-4970133

Perpustakaan Desa Simpang Pertang
d/a Balai Penghulu,72300 Simpang Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan.
Emel: norliza.abuzaid@yahoo.com
No.Telefon: 06-4920073

Perpustakaan Desa Kg.Chennah
Kg.Chennah,71650 Titi Jelebu, Negeri Sembilan.
Emel: pdchennah@gmail.com
No.Telefon: 06-6111058

Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan
73200 Gemenceh, Negeri Sembilan.
Emel: pdaks.2001@gmail.com
No.Telefon: 06-447 8022

Perpustakaan Desa Felda Jelai 4
Jelai 4,73480 Gemas,Negeri Sembilan.
Emel:pdj4.pact@gmail.com
No.Telefon: 06-434 8973

Perpustakaan Awam Pekan Mantin
Jalan Sekolah 71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Emel:hayatiismail1964@gmail.com
No.Telefon: 06-757 1315

Perpustakaan Awam Pekan Bahau
72100 Bahau,Negeri Sembilan.
Emel: librarybahau@gmail.com
No.Telefon: 06-4542036

Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusof
12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
Emel: ptp.abdulkadirysuf.1@gmail.com
No.Telefon: 06-6791722

Perpustakaan Islam Masjid Negeri
Bangunan Masjid Negeri,Jalan Dato'Hamzah, 70000, Seremban.
Emel: pinsmasjidnegeri@yahoo.com.my
No.Telefon: 011- 2323 2868

BUKU TERKINI DI PPANS



101 TENTANG BANGSA MELAYU

No. Panggilan : 305.89923 IZZ
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 39.90
Penerbit : EVERBEST MEDIA SDN BHD,
Muka surat : 212 Muka Surat



MEMBONGKAR MISTERI :

KERUNTUHAN EMPAYAR MELAYU MELAKA

No. Panggilan : 959.5118 IBN
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 44.90
Penerbit : Hijjaz Records Publishing
Muka surat : 275 Muka Surat

No. Panggilan : MF MOH
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 40.00
Penerbit : PENA EMAS RESOURCES
Muka Sura : 341 Muka Surat
PENULIS : 460 Muka Surat



**HIKAYAT PANGLIMA HITAM :
KEMUNCULAN KAUM JIN API**

No. Panggilan : MF MOH
Bahagian : PINJAMAN
Harga : RM 40.00
Penerbit : PENA EMAS RESOURCES
Muka surat : 460 Muka Surat

SINOPSIS:

Selepas lebih dua ratus tahun pemerintahan penghulu besar bunian, Raja Ahmad Siguntang bersama adik kembarnya, Panglima Hitam Muhammad Siguntang di Wilayah Buana Selatan. Dunia jin digemparkan sekali lagi dengan kebangkitan kaum jin yang amat buas, tidak diketahui dari mana datangnya.



ULTRA QALIF : KUDRAT OPTIMUM

No. Panggilan : J 741.59595 BOP
Bahagian : Kanak- Kanak
Harga : RM 14.00
Penerbit : PTS KOMIKM Sdn Bhd
Muka surat : 105 Muka Surat

Lebih memeranjatkan lagi, apabila kaum jin yang diketuai oleh raja jin yang amat perkasa, menyasarkan kedua kembar bagi tujuan ingin menjadi raja yang paling berkuasa di alam jin. Maka sekali lagi kedua kembar dipaksa untuk berjuang bagi menggagalkan usaha yang amat berbahaya ini. Namun, cabarannya bukan terhenti setakat itu sahaja. Tanpa sedar, ada musuh lain yang sedang menunggu masa untuk turut serta bersama dendam kesumat yang panas membara Adakah si kembar berjaya untuk menghadapi mereka?



THE SOULS OF FLOWERS

No. Panggilan : R 582.13 KOU
Bahagian : RUJUKAN
Harga : RM 117.50
Penerbit : Albatros Media
Muka Surat : 87 Muka Surat

Kisah sequel dari Trilogi Hikayat Si Kembar ini, bakal membawa keterujaan baru dalam menelusuri zaman pemerintahan si kembar di alam jin. Perjuangan ini bukan sahaja amat mencabar. Ia juga bersulam cinta sang panglima hitam dan air mata. Bagi yang ternanti-nantikan kisah mereka, pastikan kalian mendapatkan buku ini kerana pengembaraan mereka masih belum menemui jalan penghujungnya.



MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2024

ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN BERSAMA AGENSI KERAJAAN



19 Ogos 2024 - Rakyat di Negeri Sembilan diminta untuk terus mengibarkan Jalur Gemilang sama ada di rumah, kenderaan atau premis masing-masing bagi menyemarakkan Bulan Kebangsaan. Bersempena tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini iaitu MALAYSIA MADANI: Jiwa Merdeka, pengibaran bendera kebangsaan negara perlu dilihat sebagai cerminan jati diri selain menghargai pengorbanan pejuang terdahulu bagi mendapatkan kemerdekaan. Bagi menyahut seruan tersebut Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) bersama agensi kerajaan iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga

Negera Negeri Sembilan (LPPKN) serta Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) telah berkolaborasi dalam Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan ke-67 yang akan disambut pada 31 Ogos 2024. Program dimulakan dengan Pertandingan Masakan bertemakan "Masakan sebelum Merdeka" serta gimik pelepasan konvoi merdeka. Acara pelepasan kenderaan jabatan yang dihiasi dengan bendera turut diadakan bagi kesemua jabatan yang menyertai.

Majlis telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Hadir sama YBhg. Encik Azlan Shah bin Nazaruddin, Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Negeri Sembilan, YBhg. Mohd Khairil Naim bin Osman, Pengurus Besar, Kewangan dan Perkhidmatan Korporat Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2024



31 Ogos 2024 – Sambutan Hari Kebangsaan akan terus menjadi platform untuk menterjemahkan aspirasi Malaysia MADANI terutamanya dalam memperkukuh perpaduan berbilang kaum di negara ini selain menyemarakkan lagi semangat cintakan tanah air dalam kalangan masyarakat. Bertemakan "MALAYSIA MADANI: Jiwa Merdeka" acara sambutan Hari Kebangsaan 2024 bakal mengetengahkan konsep kebersamaan rakyat yang terdiri daripada segenap lapisan masyarakat selari dengan maksud tema tahun ini iaitu

perlambangan kesepaduan secara holistik negara maju dan progresif menaungi rakyat berbilang kaum, bersatu hati serta teguh jati diri.

Kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Sembilan tidak hanya tertumpu di Padang Majlis Perbandaran Seremban sahaja bahkan kehangatan dan kegembiraan meraikan hari bersejarah negara turut melimpah di pelbagai lokasi di seluruh negara. Semangat patriotik dan rasa teruja dapat dilihat pada segenap masyarakat daripada pelbagai kaum dan bangsa apabila mereka beramai-ramai hadir memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2024 di peringkat negeri dan komuniti masing-masing, sejak awal pagi lagi.

Lebih 80 kontinjen membabitkan 5,000 orang peserta menyertai perbarisan terdiri daripada pelbagai jabatan dan Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Pentadbiran Daerah, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi dan swasta. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud turut berkenan berangkat pada Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Sembilan.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2024



16 September 2024 – Sambutan Maulidur Rasul SAW merupakan salah satu acara rasmi kerajaan yang disambut setiap tahun sama ada di peringkat Persekutuan dan Negeri seiring dengan Perkara 3(1) dalam perlembagaan iaitu kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Sambutan bukan sekadar untuk memperingati hari ulang tahun kelahiran Rasulullah SAW malahan menjadi wadah terbaik dalam menyantuni masyarakat meneladani susur kehidupan, perjuangan dan sunnah Rasulullah SAW.

"Al-Falah Pemacu Malaysia Madani" menjadi tema pilihan untuk sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini. Tema ini adalah manifestasi dari intipati ajaran Rasulullah SAW dan merupakan satu tema yang sangat signifikan bagi memacu umat di negara ini ke arah kejayaan yang hakiki dunia dan akhirat serta pembangunan ummah yang berteraskan konsep Al-Falah (Kejayaan) mampu disemai, digarap, dihayati dan dicapai bagi merealisasikan Gagasan Malaysia MADANI.

Duli Yang Maha Mulia, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, mencemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Rasul Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan di Padang Majlis Bandaraya Seremban. Turut bersama anakanda YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz. Perarakan kali ini disertai oleh 71 kontinjen melibatkan lebih kurang 4000 peserta terdiri daripada Agensi Kerajaan, Badan Swasta, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Kariah Masjid serta Sekolah.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) tidak melepaskan peluang mengikuti perarakan tersebut pada tahun ini yang mana seramai 45 orang kakitangan terpilih diketuai oleh Encik Zainudin bin Zailan.



PERTANDINGAN *EXPLORACE* PERKHIDMATAN AWAM SEMPENA MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024



19 September 2024 – Pada tahun ini Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah dipertanggungjawabkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS) melalui Unit Korporat SUKNS untuk bersama-sama untuk berkolaborasi dengan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) dalam menjayakan Program *Explorace* Perkhidmatan Awam Sempena Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan 2024.

Program tahunan yang dikelola oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ini merupakan platform bagi menggalakkan penerapan nilai inovasi dalam kalangan penjawat awam. Acara ini bukan sahaja bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan kreativiti tetapi memberi peluang kepada peserta untuk memahami dengan lebih mendalam peranan serta sumbangan perkhidmatan awam dalam pembangunan negeri melalui pelbagai cabaran dan aktiviti yang menguji kemahiran serta pengetahuan.

Explorace ini akan memupuk budaya kerja yang lebih dinamik dan berinovasi dalam sektor awam sekali gus meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Sebanyak 40 kumpulan dari pelbagai jabatan dan agensi di bawah pentadbiran Negeri Sembilan telah mewakili jabatan masing-masing. Majlis Pelepasan *Explorace* telah dihadiri oleh Puan Nurhazelin binti Makli, Pegawai Daerah Port Dickson. Manakala, bagi sebelah petang pula sebuah majlis penutup telah disempurnakan oleh YB Dr. Rajasekaren A/L Gunasekaren, ADUN Sri Tanjung. Turut hadir program tersebut, Puan Razmona binti Abdul Razak, Pengurus Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, Puan Khairolin binti Ismail, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Unit Korporat Inovasi dan Kualiti serta Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah PPANS. PPANS telah menyumbangkan sebanyak 5 hadiah bagi beberapa kategori berdasarkan kesungguhan kumpulan sepanjang *explorace* berlangsung.



PROGRAM MEMADANIKAN PERPUSTAKAAN MELESTARIKAN PERPADUAN

24 September 2024 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) melalui Perpustakaan Awam Cawangan Rembau telah mengadakan Program Memadanikan Perpustakaan Melestarikan Perpaduan". Program yang bertujuan untuk memperkukuhkan perpaduan dalam masyarakat melalui peranan perpustakaan sebagai tempat menyebarkan maklumat seterusnya menekankan kepentingan perpustakaan sebagai ruang sosial yang dapat menyatukan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang budaya, etnik atau agama melalui penggunaan sumber-sumber informasi yang ada di Perpustakaan.

Selain itu, program ini untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya Perpustakaan sebagai pusat pembelajaran dan pembangunan komuniti dengan menyediakan akses kepada masyarakat melalui bahan bacaan yang ilmiah serta menjadikan Perpustakaan sebagai tempat yang efektif dan interaktif dalam memperkaya ilmu pengetahuan.

Pelbagai aktiviti telah direncanakan sepanjang program berlangsung antaranya Ekspedisi *Virtual Reality* (VR), Pertandingan *Simulator Drive Master*, Pertandingan *E-sport FIFA*, Pertandingan Jejak Merdeka, *Kids Creator Challenge*, *3d Wall & Augmented Reality (AR)*, *Exploria Robot* dan Pameran Pergigian. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Zaifulbahri bin Haji Idris, ADUN Kawasan Chembong. Turut hadir YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.



MAJLIS PELANCARAN BUKU AMINUDDIN HARUN: MENONGKAH ARUS, MELAKSANA HARAPAN

1 Oktober 2024 - Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) terus komited dalam memartabatkan bahan koleksi perpustakaan sebagai rujukan masyarakat menerusi pengumpulan bahan bercetak dan secara digital.

Usaha untuk menerbitkan buku *Aminuddin Harun : Menongkah Arus, Melaksana Harapan* ini merupakan kerjasama PPANS bersama Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan.

Hasil nukilan Tokoh Sasterawan dan Budayawan, Datuk Dr. Lim Swee Tin telah merangka, mengarang, menyusun semua maklumat yang diperolehi oleh PPANS. Secara dasarnya, buku ini menceritakan perjalanan peribadi dan karier seorang pemimpin yang terkenal dengan komitmennya dalam pembangunan masyarakat dari awal pembabitan dalam pentas politik negara hingga bergelar pemimpin utama negeri serta melaksana harapan kepada kemajuan, pembangunan dan kesejahteraan rakyat di Negeri Sembilan sehingga ke hari ini.

Buku ini merupakan prakarsa khas oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan diberikan khas buat YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan mengisahkan tentang perjalanan kisah suka dan duka perjuangan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun dalam menongkah arus sehingga mencapai titik perjuangan dalam mencapai pelbagai objektif untuk menjadikan negeri yang cemerlang dalam semua aspek.

Majlis Pelancaran Buku Aminuddin Harun: Menongkah Arus, Melaksana Harapan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan bertempat di Hotel Royal Chulan, Seremban sempena Majlis Apresiasi Hari Kebangsaan dan Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024. Hadir sama dalam majlis pelancaran, YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi PPANS, Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, serta Datuk Dr. Lim Swee Tin bersama isteri.



**MAJLIS MENYANJUNG BUDI, MENJUNJUNG BAKTI
PUAN HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS,
PENGARAH PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN**

14 Oktober 2024 – Khidmat bakti beliau selama 32 tahun sebagai penjawat awam di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) bermula 15 April 1992 hingga 14 Oktober 2024 pastinya suatu tempoh masa yang panjang. YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis mula memegang jawatan sebagai Penolong Pustakawan dan diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah seterusnya dinaikkan pangkat ke jawatan Pengarah di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Sepanjang perkhidmatan beliau, pelbagai pingat dan anugerah yang telah diterima antaranya Pingat Khidmat Cemerlang (PMC) 2007, Pingat Darjah Pekerti Terpilih (D.P.T) pada tahun 2018. YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis juga telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2000, 2007 dan 2012.

Sebagai mengingati jasa dan khidmat sepanjang perkhidmatan YBrs. Puan Hajah Jamilah @ binti Haji Katis, pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan seluruh kakitangan telah mengadakan Majlis Menyanjung Budi, Menjunjung Bakti sempena persaraan beliau bertempat di Arena Premier Boutique Hotel, Seremban. Hadir sama, Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah, dan Barisan Pengurusan PPANS serta warga kerja PPANS dan Penyelia-Penyelia Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Pada kesempatan ini, seluruh warga kerja PPANS mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis atas pimpinan dan segala sumbangan yang telah diberikan sepanjang berkhidmat. Semoga persaraan ini dipenuhi dengan kebahagiaan bersama keluarga tercinta dan sentiasa berada dalam rahmat Allah SWT.



MAJLIS MENYANJUNG BUDI, MENJUNJUNG BAKTI
PUAN HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS,
PENGARAH PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN



BENGKEL PENGENALAN HORIZON BAHARU KUMPULAN KREATIF DAN INOVASI (KIK) PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN



20 dan 21 November 2024 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah mengadakan Bengkel Pengenalan Horizon Baharu Kumpulan Kreatif dan Inovasi (KIK). Bengkel selama dua bertempat di Klana Resort, Seremban. Tujuan bengkel adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai konsep, prinsip dan amalan dalam pelaksanaan KIK dalam organisasi. Selain itu, bengkel ini sebagai pendekatan sistematik dan memfokuskan kepada penyelesaian masalah, peningkatan kualiti serta inovasi melalui kerjasama dalam kumpulan kerja.

Encik Al Bakri bin Mohammad Pensyarah Kanan, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik Universiti Teknologi Mara (UITM) Negeri Sembilan telah diundang sebagai penceramah bengkel tersebut sebagai persiapan bagi menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Sembilan dan Pertandingan Kumpulan KIK Horizon Baharu pada bulan September 2025 tahun hadapan. Majlis penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah (Menanggung Tugas Pengarah).



PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN MOH BERKAMPUNG KEK KUALA PILAH BERSAMA KEMENTERIAN EKONOMI



7 Disember 2024 – Pelaburan bagi membangunkan infrastruktur akan menyediakan asas untuk pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang dan peningkatan kualiti hidup rakyat. Kerajaan telah memperkenalkan Program Kampung Angkat MADANI sebagai usaha untuk membangunkan sosio ekonomi komuniti setempat secara intensif yang dilaksanakan Kerajaan Persekutuan menerusi Belanjawan 2024. Program ini memberi tumpuan kepada pengukuhan jaringan sosial, pembangunan kapasiti individu, serta memperluas akses kepada peluang pembangunan yang lebih baik. Kampung

Kuala Serdang, Kuala Pilah menjadi Kampung Angkat MADANI di bawah seliaan Kementerian Ekonomi. Projek kemudahan komuniti setempat telah dilaksanakan termasuk menaik taraf balai raya dan Perpustakaan Desa Kampung Kuala Sedang. YB Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli telah merasmikan Program Kampung Angkat MADANI serta Penyerahan Projek di Balai Raya Kampung Kuala Serdang. Selain itu, pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan antaranya, pameran reruai oleh Kementerian Ekonomi, perkhidmatan bergerak, Jualan Rahmah, Sukan Rakyat, Kaunter Bayaran Saman serta pelbagai lagi.

Hadir sama YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Nor Azmie Diron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah (Menanggung Tugas Pengarah), Ketua-ketua Jabatan dan Wakil Ketua Jabatan.



WAGHIH MEMBACA



PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



3 SEPTEMBER 2024

**MAJLIS AMANAT YAB
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN
DAN PENYERAHAN
SIJIL PENUBUHAN
CDA-ERT JPKK**
DI HOTEL ROYAL CHULAN,
SEREMBAN

14 SEPTEMBER 2024

**MERASMIKAN PESTA
BOLA NGOCA 2024**
DI STADIUM NGOCA,
PERKAMPUNGAN
BUDAYA TERACHI



28 SEPTEMBER 2024

**MENYEMPURNAKAN
MAJLIS PERASMIAAN
SURAU AL-FATEH
DAN KARNIVAL
USAHAWAN MUDA**
DI SEKOLAH KEBANGSAAN
SENAWANG

1 OKTOBER 2024

**MERASMIKAN MAJLIS
APRESIASI HARI
KEBANGSAAN DAN
MINGGU INOVASI
PERINGKAT NEGERI
SEMBILAN TAHUN 2024**
DI ROYALE CHULAN, SEREMBAN



PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



10 OKTOBER 2024

**MENYEMPURNAKAN
MAJLIS PECAH TANAH
NEGERI SEMBILAN
SEMICONDUCTOR
VALLEY (NSVV)**

29 OKTOBER 2024

**MERASMIKAN MAJLIS
PENYAMPAIAN INSENTIF
KEMENANGAN SUKAN
MALAYSIA XXI,
SARAWAK 2024
DI BALLROOM KLANA
RESORT, SEREMBAN**



7 NOVEMBER 2024

**LAWATAN KERJA
SHANGHAI
INTERNATIONAL
IMPORT EXPO 2024
(SIIE 2024)**

DI SHANGHAI INTERNATIONAL
EXHIBITION AND
CONVENTION CENTRE

PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



7 DISEMBER 2024

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM KAMPUNG
ANGKAT MADANI DAN
MOH BERKAMPUNG KEK
KUALA PILAH BERSAMA
KEMENTERIAN EKONOMI
DI BALAI RAYA KAMPUNG
KUALA SERDANG,
KUALA PILAH**

9 DISEMBER 2024

**MAJLIS MENANDATANGANI DAN
PENYAMPAIAN NOTA
PERSEFAHAMAN (NOU) SEKTOR
AKTIVITI HIJAU DAN KITAR
SEMULA BAGI PROGRAM
SEJAHTERA KOMUNITI MADANI
(SEJATI MADANI) NEGERI
SEMBILAN YANG DILANGSUNGKAN
DI PALM HOTEL, SEREMBAN.**



10 DISEMBER 2024

**MALAM APRESIASI
BELIA DAN SUKAN
DI D'TEMPAT COUNTRY
CLUB, BANDAR
SRI SENDAYAN**

12 DISEMBER 2024

**MENYEMPURNAKAN
PENYERAHAN
SUMBANGAN WANG
IHSAN MANGSA BANJIR
DAERAH JEMPOL
DI DEWAN SRI ROMPIN,
PEJABAT DAERAH DAN
TANAH JEMPOL.**

